



LOKASI kejadian tanah runtuh yang diwartakan sebagai Zon Merah di Taman Idaman, Serendah, Hulu Selangor semalam.



KEADAAN berlubang seperti kawah terbentuk akibat mendapan tanah runtuh.



BEBERAPA penghuni rumah yang terjejas membawa keluar barangan untuk berpindah ke tempat pemindahan sementara.

Kenderaan, gerai musnah dalam runtuh tanah, 340 penduduk terpaksa berpindah

Jatuh satu persatu ditelan bumi

Kosmo
27/11/16
mls 3

Oleh TENGKU ASYRAF TENGKU SALLEHUDDIN

HULU SELANGOR – Selama ini, penduduk di kawasan perumahan Taman Idaman, Serendah di sini tidur dengan lena, namun awal pagi semalam, mereka dikejutkan dengan bunyi dentuman kuat akibat kejadian tanah runtuh yang melanda kawasan itu.

Dalam kejadian di kawasan lereng bukit di situ pada pukul 1 pagi, sebanyak tujuh buah kereta, dua buah motosikal dan sebuah gerai makanan musnah selepas menggelongsor, satu persatu jatuh ke dalam runtuhan ibarat ditelan bumi.

Kenderaan tersebut adalah milik penduduk dan antara jenisnya ialah Honda Civic, Proton Saga, Proton Wira dan Mercedes-Benz.

Bencana ini turut menyebab-



BEBERAPA kenderaan tersadai selepas terjatuh ke dalam runtuhan tanah di lereng bukit Taman Idaman, Serendah, Hulu Selangor semalam.

kan seorang penunggang motosikal Yamaha LC 135, Muhammad Fareez Hanudin, 21, cedera ringan selepas tertimbus dalam runtuhan.

Bagaimanapun, tiada kehilangan nyawa dilaporkan.

Kawasan yang terjejas seluas kira-kira 1.2 hektar bersamaan tiga padang bola sepak manaka-

la lubang besar yang terbentuk ekoran mendapan tanah pula berkeluasan 150 meter persegi dengan kedalaman di antara 10 hingga 15 meter.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R. Supramaniam berkata, kejadian berlaku ketika kebanyakan penduduk di kawasan perumahan berkenaan sedang tidur.

Menurutnya, polis telah mengisytiharkan kawasan tanah runtuh di Taman Idaman sebagai Zon Merah iaitu orang ramai dilarang menghampiri lokasi bencana.

“Kesemua 340 penduduk melibatkan 64 buah rumah di kawasan tersebut yang terjejas telah dipindahkan ke Sekolah Rendah Agama Serendah bagi menjamin keselamatan mereka.

“Penduduk akan ditempatkan di sekolah ini sehingga

proses baik pulih selesai,” katanya kepada pemberita di lokasi kejadian.

Turut hadir meninjau lokasi runtuhan dan melawat penduduk ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan yang juga merupakan Ahli Parlimen Hulu Selangor.

Supramaniam memberitahu, hasil perbincangan bersama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., kejadian tanah runtuh itu dipercayai berpunca daripada pengaliran air semula jadi bawah tanah dan bukannya daripada paip air milik syarikat itu.

“Kawasan ini masih bahaya dan operasi membaik pulih serta memantau keadaan di lokasi disertai pelbagai agensi terutama Jabatan Kerja Raya.

“Satu lencongan jalan baharu akan dibina segera untuk kegunaan penduduk,” ujarnya.